


Komited dalam Menggunakan Tenaga Kami dengan Cara yang Betul

Berusaha untuk Masa Depan berasaskan Pembangunan Lestari

IPada bulan September 2015, semasa satu Persidangan Kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bersejarah, pemimpin-pemimpin dunia telah menerima pakai 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Untuk 15 tahun berikutnya, negara-negara di seluruh dunia akan menggerakkan usaha untuk menamatkan semua bentuk kemiskinan, memerangi ketidaksamarataan, dan menangani perubahan iklim¹.

Usaha di peringkat antarabangsa ini adalah sangat penting untuk masa depan planet kita. Sebagai contoh, sekiranya tiada usaha dilakukan untuk menangani perubahan iklim, suhu permukaan purata global dijangka akan meningkat sebanyak 4.8° C (8.64 °F) menjelang tahun 2100. Jika ini berlaku, taufan dan ribut lain akan menjadi lebih kuat, banjir dan kemarau akan lebih kerap berlaku, dan penyakit berjangkit seperti malaria akan tersebar meluas².

■ Sekiranya pemanasan global terus meningkat...



Bukan hanya negara-negara yang berusaha untuk mencapai SDG. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dari Festival Kreativiti Cannes hinggalah kepada para pembuat filem “Angry Birds”, dengan niat untuk menyebarkan maklumat mengenai pembangunan lestari dan mencapai penyelesaian khusus untuk³ matlamat individu. Bilangan pemegang kepentingan utama yang menyatakan keinginan untuk bekerjasama dengan perniagaan yang menyokong SDG secara aktif telah meningkat.

Inilah salah satu sebab mengapa sebilangan syarikat besar secara sukarela telah memberi komitmen untuk membantu dalam mencapai SDG. [Ajinomoto Co., Inc.](#) (“Ajinomoto Co.”) berbangga menjadi salah satu daripada mereka. Terdapat beberapa sebab mengapa kami terlibat dalam usaha ini. Pertamanya, kami adalah sebuah organisasi antarabangsa yang mempunyai cawangan yang besar, beroperasi di 30 buah negara, dan kami berkecimpung dalam perniagaan yang mengubah sumber semula jadi menjadi produk makanan pada skala yang besar. Oleh itu, kami merasakan bahawa kami berada dalam kedudukan yang istimewa untuk menghasilkan perubahan yang nyata dan positif untuk dunia. Dan keduanya, kami merasakan bahawa ia adalah suatu perkara yang sepatutnya dilakukan.

Satu bidang yang kami berikan tumpuan secara khusus adalah tenaga boleh diperbaharui, yang merupakan satu faktor penting untuk kelestarian planet dan sumber kita. Menggunakan tenaga boleh diperbaharui membantu dalam mencapai beberapa SDG, terutamanya:



Kajian Kes: Kilang Ayutthaya, AJINOMOTO CO., (THAILAND) LTD.

Pada April 2016, AJINOMOTO CO., (THAILAND) LTD. telah memperkenalkan satu sistem penjanaan bersama biojisim di Kilang Ayutthaya di Thailand. Sistem penjanaan bersama menggunakan sumber haba untuk menjana tenaga elektrik dan stim yang diperlukan - persoalannya adalah sejauh manakah mesra ekologi bahan api tersebut. Dalam sistem Ayutthaya, sekam padi digunakan sebagai bahan api.

Jumlah karbon dioksida (CO₂) yang diserap oleh tumbuh-tumbuhan semasa tumbesaran adalah hampir sama dengan jumlah yang dibebaskan ketika dibakar untuk bahan api. Dalam erti kata lain, menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan api adalah "neutral karbon".

Dengan menukar penggunaan bahan api fosil kepada bahan api biojisim, kilang berjaya mencapai pengurangan tahunan dalam pelepasan CO₂ sebanyak kira-kira 59,000 tan. Di samping itu, kilang tersebut dapat menggantikan sebahagian daripada kuasa yang dibelinya dengan kuasa yang dihasilkan di tapak, yang telah mengurangkan kos tenaga dan juga meningkatkan keupayaan untuk memastikan kilang terus beroperasi meskipun bekalan tenaga elektrik terputus.

Salah satu hasil pelaksanaan sistem penjanaan bersama biojisim ialah AJINOMOTO CO., (THAILAND) LTD. kini mengawal semua aspek pengeluaran bahan apinya sendiri, daripada mendapatkan sekam padi sehinggalah menggunakan abu hasil pembakaran dengan berkesan⁴. Ini merupakan contoh utama komitmen kami untuk mengurangkan penggunaan sumber semula jadi yang terhad, mengurangkan pencemaran, dan menggalakkan kejayaan penduduk dan perniagaan tempatan.

■ Kilang Ayutthaya, Thailand




Melaksanakan Ekonomi Pusingan pada Skala Global

Ekonomi linear tradisional mewujudkan banyak bahan buangan. Pada asasnya, proses itu merangkum sesuatu produk dibuat, sesuatu produk digunakan, dan kemudiannya ia dilupuskan.

Sebaliknya, ekonomi pusingan menggunakan sesuatu sumber yang ada selama yang mungkin, mengekstrak nilai semaksimum yang mungkin, kemudian mendapatkan dan menjana semula bahan sumber daripada produk sebaik sahaja hayat penggunaannya tamat bagi menghasilkan produk dan bahan baharu⁴.

■ Ekonomi linear berbanding pusingan



Diambil daripada "Yayasan Ellen MacArthur"

Ajinomoto Co. komited untuk melaksanakan ekonomi pusingan pada skala global, di kebanyakan negara-negara di mana kami beroperasi dan berniaga. Kami melakukannya melalui penumpuan fokus khusus dalam pengurangan sisa dan pembuangan, kitar semula, perkongsian, dan pemuliharaan alam sekitar.

Kajian Kes: AJINOMOTO DO BRASIL INDÚSTRIA E COMÉRCIO DE ALIMENTOS LTDA.

Di AJINOMOTO DO BRASIL INDÚSTRIA E COMÉRCIO DE ALIMENTOS LTDA., (“AJINOMOTO DO BRASIL”) penjanaan nilai dan kelestarian adalah tumpuan utama dalam semua aktiviti kami. Contohnya, tebu yang digunakan sebagai bahan mentah asas untuk menghasilkan perencah umami *AJI-NO-MOTO*® digunakan sepenuhnya pada setiap langkah dalam proses, dan baja dihasilkan sebagai produk bersama daripada pengeluaran asid amino. Baja-baja ini dibekalkan semula ke ladang-ladang tempatan, menghasilkan satu kumpulan tanaman pelbagai yang termasuk tomato, anggur, biji kopi, dan semestinya lebih banyak tebu.

Dalam satu inisiatif yang serupa dengan Thailand, Ajinomoto Group di Brazil memasang dandang biojisim di tiga buah kilangnya yang terletak di São Paulo—Laranjal Paulista, Limeira dan Pederneiras. Hasilnya, dalam tempoh antara April 2016 dan Mac 2017, pelepasan CO₂ telah berjaya dikurangkan sebanyak 41% hingga ke tahap hampir sifar. Selain itu, ia membekal kepada lebih daripada 80% permintaan proses industri dengan kos yang lebih rendah berbanding bahan api fosil, sementara mengurangkan pelepasan gas rumah hijau hingga kepada hampir-hampir sifar.

■ Kilang Laranjal Paulista, Brazil



Komitmen AJINOMOTO DO BRASIL kepada alam sekitar tidak berhenti di situ sahaja. Menerusi pendidikan dalaman dan kerjasama di sekitar “3 R”—reduce (kurangkan), reuse (guna semula), dan recycle (kitar semula)—mereka juga mengurangkan penggunaan air sebanyak 42%. Itu bersamaan dengan lima kolam renang air tawar bersaiz Olimpik setiap hari.

Komitmen Berterusan

Dandang biojisim beroperasi di sepuluh kilang kami di seluruh dunia setakat ini. Matlamat kami adalah untuk mempunyai nisbah tenaga boleh diperbaharui sebanyak 50% di seluruh operasi kami, termasuk 108 kilang kami menjelang tahun 2030.

■ Kilang AJINOMOTO VIETNAM CO., LTD. yang menggunakan dandang biojisim untuk menukar sekam padi kepada tenaga, yang boleh mengurangkan pelepasan CO₂ sehingga 50%



Kami bertanggungjawab terhadap pelanggan, pekerja, masyarakat setempat di mana kami beroperasi dan Bumi itu sendiri. Kami akan terus berusaha untuk mencapai SDG Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui aktiviti-aktiviti seperti yang diterangkan di atas, menuju masa depan.



Mengenai Ajinomoto Co., Inc.

Ajinomoto Co. adalah pengeluar global untuk bahan perencah bermutu tinggi, makanan proses, minuman, asid amino, farmaseutikal dan bahan kimia khusus. Selama berdekad, Ajinomoto Co. telah menyumbang kepada budaya makanan dan kesihatan manusia melalui penerapan teknologi asid amino yang meluas. Hari ini, syarikat semakin terlibat dengan penyelesaian untuk sumber makanan yang lebih baik, kesihatan manusia dan kelestarian global. Ditubuhkan pada tahun 1909 dan kini beroperasi di 35 buah negara dan wilayah, Ajinomoto Co. mempunyai jualan bersih JPY 1,150.2 bilion (USD 10.36 bilion) dalam tahun fiskal 2017. Untuk maklumat lanjut mengenai Ajinomoto Co. (TYO : 2802) dan keluaran surat berita yang lalu, sila lawati www.ajinomoto.com.

Untuk maklumat lanjut atau rujukan dan sokongan kajian untuk sebarang maklumat yang terkandung dalam surat berita ini, sila hubungi Jabatan Komunikasi Global Ajinomoto Co., Inc.: ajigcd_newsletter@ajinomoto.com.

Rujukan:

1. "Agenda Pembangunan Lestari," Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, <http://www.un.org/sustainabledevelopment/development-agenda/>
2. "Kesan Pemanasan Global," National Geographic, <https://www.nationalgeographic.com/environment/global-warming/global-warming-effects/>
3. "Bekerjasama untuk SDG," Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, <https://sustainabledevelopment.un.org/partnerships/>
4. Data dalam fail.